

SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/06/13_15 (HQ)

TNB KUKUHKAN SISTEM BEKALAN DI PANTAI TIMUR MENJELANG AIDILADHA

- Permintaan tenaga elektrik dijangka meningkat di Negeri Kelantan menjelang Aidiladha
- Projek memperkukuhkan sistem bekalan telah dikenalpasti untuk dilaksana merangkumi tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang untuk kestabilan terutamanya kegunaan semasa waktu puncak/perayaan.
- Pastikan peralatan elektrik dan soket berada dalam keadaan baik serta tidak dibebankan dengan penyusai (adapter) berlebihan

Permintaan penggunaan tenaga elektrik di negeri-negeri di Pantai Timur, khususnya Kelantan dijangka meningkat sempena sambutan Aidiladha pada pertengahan bulan ini dengan ramai perantau merancang pulang berhari raya seperti mana perayaan Aidilfitri, April lalu.

Rekod Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagaimanapun menunjukkan bahawa gangguan voltan rendah melibatkan pelanggan domestik di negeri Cik Siti Wan Kembang itu pada musim perayaan Aidilfitri tahun ini, menurun sebanyak 67% sekalipun permintaan tertinggi meningkat sebanyak 27MW kepada 570MW dalam tempoh berkenaan.

Prestasi lebih baik ini berdasarkan gangguan voltan rendah di negeri itu menurun daripada 1,966 dalam tempoh 12 hari mulai enam hari sebelum Aidilfitri tahun lalu kepada 657 dalam tempoh sama tahun ini. Gangguan ini adalah disebabkan permintaan bermusim meningkat dan membebankan sistem bekalan sedia ada sehingga memberi kesan kepada pemasangan TNB seperti talian atas bertebat, fuis serta komponen peralatan yang lain.

Justeru, TNB mengambil langkah untuk memperkukuhkan lagi sistem rangkaian pembahagian sempena jangkakan penggunaan meningkat pada sambutan Aidiladha, yang kebiasaannya lebih meriah di Pantai Timur. Antaranya, memperkukuh sistem voltan rendah (MSVR), meningkatkan kapasiti alatubah (ITC), mewujudkan pencawang baru khusus dilaksanakan melalui Ops Adha.

Menurut Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Mahathir Nor Ismail, sebanyak 323 inisiatif dikenalpasti untuk dilaksanakan merangkumi kerja menaiktaraf kapasiti alatubah pembahagian, membina pencawang baru dan projek pengukuhan sistem voltan rendah.

“Dari segi pembinaan pencawang elektrik, 114 lokasi untuk diwujudkan pencawang dikenal pasti. Daripada jumlah itu, 30 tapak telah diberikan kemasukan awal. Baki 84 tapak masih menghadapi isu tanah sekali gus memerlukan kerjasama semua pihak, termasuk pemilik tanah dan pihak berkuasa bagi menyelesaikannya,” jelas beliau.

Pada masa sama, para pengguna dinasihatkan supaya sentiasa mengutamakan keselamatan ketika menggunakan peralatan elektrik termasuk memastikan semua soket dalam keadaan baik dan tidak dibebankan dengan penyesuai (adapter) berlebihan, di samping mengamalkan bijak tenaga dengan menggunakan perkakasan cekap tenaga dan secara berhemah.


TNB juga menasihatkan pengguna untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine untuk mendapatkan bantuan sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik, ternampak kejanggalaan atau mempunyai keraguan berkaitan pemasangan TNB.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Jun 2024, jam 11.30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Mahathir Nor Ismail



Pencawang Elektrik Taman Impian, Bachok, Kelantan telah dinaik taraf bagi menambah baik sistem pembekalan elektrik bagi keselesaan pengguna menyambut Aidiladha beberapa hari lagi.



Juruteknik TNB, Saifuddin Ab Ghani sedang memperbetulkan kedudukan kabel sebelum kerja-kerja socketing lug dibuat oleh Pencantum Kabel di Pencawang Elektrik (PE) Kg. Kijang, Kota Bharu, Kelantan.



TNB telah menaiktaraf kapasiti alatubah 500kVA kepada 1000kVA di Pencawang Elektrik Felda Chiku 3, Gua Musang, Kelantan dalam memastikan bekalan elektrik di kawasan sekitar dalam keadaan baik bagi sambutan Aidiladha beberapa hari lagi.